

## Terma & Syarat

### SELAMAT DATANG KE SISTEM PELESENAN LEMBAGA SUMBER AIR TERENGGANU

Sebelum mengakses laman web/portal ini, anda adalah dinasihati untuk membaca dan memahami terma dan syarat berkenaan. Penggunaan dan akses ke portal ini ("elis.laut.gov.my ") adalah tertakluk sepenuhnya di atas terma-terma dan syarat-syarat yang terpapar selepas ("Terma dan Syarat"). Di bawah adalah syarat-syarat penggunaan laman web serta hak dan kewajipan anda semasa mengakses dan/atau menggunakan perkhidmatan di laman web ini.

Sekiranya anda mengakses laman web ini, ia merupakan pengakuan dan persetujuan bahawa anda terikat kepada syarat-syarat ini dan dengan ini, terbentuklah satu persetujuan di antara anda sebagai pelanggan, dan kami, bagi akses dan/atau penggunaan laman web ini.

Syarat-syarat ini akan menggantikan syarat-syarat terdahulu yang anda terima atau akses menerusi laman web ini. Penggunaan dan/atau akses anda kepada perkhidmatan ini seterusnya akan dianggap sebagai penerimaan syarat-syarat ini.

#### A. Had Tanggungjawab

Anda dengan jelas memahami dan bersetuju bahawa LAUT dalam mana-mana keadaan tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kerugian, secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan atau khusus, turutan atau *exemplary*, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian berbentuk kehilangan keuntungan dan/atau perbelanjaan khusus, atau kerugian tak ketara yang lain, lanjutan atau sampingan akibat daripada apa-apa pengetahuan, kepercayaan, pergantungan dan penggunaan sebarang maklumat yang terkandung dalam laman web/portal ini termasuk:

1. Penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan perkhidmatan ini

2. Kos perolehan barangan dan perkhidmatan gantian berikutan pembelian sebarang barangan, data, maklumat atau perkhidmatan atau mesej yang diterima atau transaksi yang dibuat menerusi atau daripada laman web ini,
3. Akses tanpa kebenaran atau perubahan dalam penghantaran atau data anda
4. Kenyataan atau tindakan pihak ketiga di laman web ini; atau
5. Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan laman web ini.

## B. Pautan

Kami boleh menyediakan pautan kepada laman web yang lain. Laman-laman web tersebut dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga dan oleh itu, kami tidak mempunyai kawalan ke atas laman dan sumber tersebut. Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap laman dan sumber luar tersebut dan tidak menyokong serta tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kandungan, iklan, produk atau bahan-bahan lain yang disediakan di laman dan sumber tersebut. Anda seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh atau dipercayai sebagai sebabnya atau dikaitkan dengan penggunaan atau pergantungan ke atas kandungan, barangan atau perkhidmatan yang disediakan di atau menerusi laman atau sumber tersebut.

## C. Polisi Dan Privasi

Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) tidak akan menggunakan / mendedahkan maklumat peribadi anda untuk apa saja tujuan tanpa persetujuan anda. Maklumat peribadi anda akan digunakan untuk makluman sebarang pertanyaan, mengendalikannya aduan, menyediakan notis operasi, penyimpanan rekod dan pemberitahuan berkenaan dengan pembelian anda.

Portal kami juga menjadi penghubung kepada laluan lain dan portal pihak ketiga. Capaian anda ke laluan ini tertakluk kepada amalan polisi privasi mereka. Walaupun kami menyokong privasi di internet, Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) tidak bertanggungjawab atas sebarang tindakan oleh laluan pihak ketiga. Kami menggalakkan

anda untuk membaca polisi privasi di setiap lelaman yang anda capai, sama ada yang anda capai melalui portal kami atau portal yang anda capai sendiri.

Institusi kewangan pihak ketiga mengendalikan gerbang pembayaran Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT). Institusi ini menerima bayaran dan maklumat pengenalan diri hanya untuk menentusahkan pengguna dan proses transaksi. Ini adalah amalan piawai untuk tujuan keselamatan.

## I. DASAR KESELAMATAN

### 1. **Perlindungan Data**

Teknologi terkini termasuk penyulitan data adalah digunakan untuk melindungi data yang dikemukakan dan pematuhan kepada ketetapan keselamatan yang ketat adalah terpakai untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan.

### 2. **Keselamatan Storan**

Semua storan elektronik dan penghantaran data peribadi adalah dilindungi dan disimpan dengan menggunakan teknologi keselamatan yang sesuai.

3. Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan ID Pengguna dan Kata Laluan, dan bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua aktiviti yang berlaku di bawah ID.

4. Pengguna dan Kata Laluan anda sama ada benar-benar atau secara jelas dibenarkan dan/atau digunakan oleh anda ataupun tidak.

5. Akaun anda hanya boleh digunakan oleh seorang pengguna sahaja dan anda tidak akan membenarkan akses serentak menggunakan maklumat akses yang sama.

## II. DASAR PRIVASI (PRIVACY POLICY)

Sekiranya anda ingin mendaftar atau menghantar e-mel yang mengandungi maklumat peribadi, maklumat ini mungkin akan dikongsi bersama dengan jabatan/agensi kerajaan

Negeri dan/atau Persekutuan untuk membantu penyediaan perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif. Contohnya seperti mendapatkan maklumbalas teknikal atau sebarang maklumat yang memerlukan *input* dari jabatan/agensi lain.

#### 1. **Maklumat Yang Dikumpul**

Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari laman web ini kecuali maklumat yang dikemukakan oleh anda melalui atau pendaftaran yang merupakan bahagian yang dilindungi dalam web ini.

#### 2. **Pindaan Dasar**

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, apa-apa pindaan terkini akan dimuat naikkan dan dipaparkan di laman web/portal ini untuk pengetahuan anda. Dengan sering melayari laman web/portal ini, anda akan dikemas kini dengan maklumat terkini, cara penggunaan laman web ini dan bagaimana maklumat dikongsi bersama pihak lain di dalam keadaan tertentu.

#### D. Bahagian Sistem Dalam Talian eLIS

Bahagian Sistem Dalam Talian eLIS adalah terhad kepada mereka yang telah diberikan akses dengan nama pengguna dan kata laluan yang mendapat separa-kelulusan. Walaubagaimanapun, akses berkenaan boleh dibatalkan bila-bila masa sahaja menurut budi bicara pihak Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) tanpa keperluan untuk memberikan sebarang bentuk penjelasan bagi keputusan yang telah dibuat. Pengguna yang telah mendapat kebenaran untuk mengakses bahagian terlarang di laman web Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) ini adalah dianggap telah mempersetujui perkara-perkara berikut apabila mengakses bahagian ini:

- tidak menyerahkan nama pengguna atau kata laluan kepada pihak ketiga;
- tidak membenarkan atau menggalakkan sebarang pengguna yang tidak mendapat kelulusan untuk mengakses bahagian terlarang dengan menggunakan nama pengguna dan kata laluan miliknya; dan
- untuk menukar kata laluan asal secara terus setelah mengesyaki bahawa kerahsiaan nama pengguna dan/atau kata laluan telah dikompromi dengan apa cara sekalipun.

Anda perlu memastikan bahawa semua fail yang dihantar secara lampiran adalah bebas dari virus.

#### E. Penamatan

Kami boleh menamatkan akses anda ke mana-mana bahagian perkhidmatan atau seluruh perkhidmatan dan mana-mana perkhidmatan yang berkaitan pada bila-bila masa, dengan sebab atau tanpa sebab, dengan notis atau tanpa notis, dan berkuatkuasa serta-merta. Kami boleh juga menamatkan atau menggantung akaun anda yang tidak aktif, iaitu, didefinisikan sebagai kegagalan untuk menggunakan perkhidmatan laman web menerusi akaun tersebut bagi suatu tempoh tertentu. Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga di atas penamatan akses kepada perkhidmatan tersebut.

#### F. Perubahan kepada Syarat-syarat Perkhidmatan

Kami mempunyai hak untuk membuat perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kecemasan atau demi menjaga keselamatan laman web atau dalam keadaan di luar kawalan, di mana kami mendapati perlunya untuk mengubah, mengubahsuai, membatalkan atau menambah syarat-syarat ini, ia akan berbuat demikian tanpa notis terdahulu kepada anda. Adalah dipersetujui bahawa anda akan mengakses dan meneliti syarat-syarat ini dari semasa ke semasa untuk mengetahui sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan yang terkini. Anda selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa akses secara berterusan dan penggunaan syarat-syarat (yang diubah atau diubahsuai dari semasa ke semasa) akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini.

#### G. Pengubahsuaian kepada Perkhidmatan

Kami mempunyai hak untuk mengubahsuai atau menamatkan perkhidmatan (atau sebahagian daripada perkhidmatan) sama ada secara sementara atau tetap pada bila-bila masa dengan notis atau tanpa notis. Anda bersetuju bahawa kami tidak bertanggungjawab

kepada anda atau mana-mana pihak ketiga di atas sebarang pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan perkhidmatannya.

## H. Umum

Tajuk-tajuk yang digunakan di bawah syarat-syarat ini hanya untuk rujukan dan tidak boleh diambilkira dalam tafsiran syarat-syarat ini. Sekiranya mana-mana peruntukan syarat-syarat ini menyalahi undang-undang atau tidak sah di sisi undang-undang atau peraturan-peraturan sekarang atau yang akan datang, peruntukan tersebut akan diasingkan dan syarat-syarat ini akan ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang tidak sah itu tidak wujud dan syarat-syarat ini bersama-sama peruntukan lain akan berkuatkuasa sepenuhnya tanpa dijejaskan oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang atau yang tidak sah.

Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan berkuatkuasa secara serta merta selepas hebahan terma dan syarat yang dirujuk sebagai "Terma dan Syarat" dan ini adalah termasuk terma dan syarat yang telah diubah. Anda bersetuju untuk menyemak halaman ini setiap kali anda melawati laman web Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) bagi sebarang kemaskini. Sekiranya anda tidak dapat menerima sebarang terma dan syarat yang telah diubah, anda mestilah berhenti mengakses laman Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT). Penggunaan dan akses anda untuk dan/atau terus menggunakan dan mengakses laman web Lembaga Sumber Air Terengganu (LAUT) selepas hebahan perubahan Terma dan Syarat adalah bermaksud bahawa anda telah bersetuju dengan perubahan yang dibuat tanpa sebarang keraguan.

LEMBAGA SUMBER AIR  
TERENGGANU